

06 SEP 1996

Mahathir - Singapura

UMNO TERSINGGUNG TERHADAP KENYATAAN SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- UMNO membidas Singapura atas kenyataannya berhubung kemungkinan republik itu bersatu semula dengan Malaysia kerana berpendapat kenyataan itu tidak ikhlas dan semata-mata untuk menggunakan Malaysia bagi menakut-nakutkan masyarakat Cina Singapura untuk tujuan tertentu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata UMNO amat tersinggung dengan kenyataan Singapura itu dan berasa sedih.

Ini ialah pendirian yang dibuat oleh Majlis Tertinggi UMNO yang bermesyuarat di sini malam ini, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

Dr Mahathir juga membaca keratan akhbar Straits Times Singapura bertarikh Khamis lepas yang menyebut mengenai kemungkinan Singapura terpaksa bersatu semula dengan Malaysia jika ia gagal dan lemah. Kenyataan itu dibuat oleh Perdana Menteri republik itu, Goh Chok Tong.

Katanya, UMNO berpendapat kenyataan itu semata-mata untuk menunjukkan betapa buruknya Malaysia yang tidak mengamalkan sistem meritokrasi.

"Ia seolah-olah menunjukkan kita tidak ada keharmonian kaum dan meritokrasi dan ia hanya berlaku di Singapura sahaja," katanya.

"Selama ini kita tidak tegur apa yang berlaku di Singapura yang sememangnya tidak mengamalkan sistem meritokrasi," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Singapur ialah yang mengamalkan diskriminasi kaum dan jika Singapura mengamalkan sistem meritokrasi seperti didakwanya, sudah tentu orang Melayu di republik itu diberi peluang memegang jawatan tinggi dalam angkatan tentera dan diberi peluang untuk memikul senjata serta menjadi juruterbang tentera.

Ketika ditanya sama ada UMNO akan mengemukakan rasa tidak puas hati itu kepada kerajaan Singapura, Dr Mahathir berkata UMNO tidak akan berbuat demikian tetapi berharap ia akan dilaporkan oleh media negara ini supaya ia diterima oleh Singapura.

"Kadang-kadang surat khabar anggap ini tidak penting malah ada sungutan anggota Majlis tertinggi UMNO bahawa pihak media tidak melaporkan kenyataan mereka berhubung perkara itu yang pernah mereka buat," katanya.

Dr Mahathir berkata tidak perlu Kerajaan Malaysia mengambil tindakan berhubung sikap Singapura ini memandangkan kenyataan Singapura itu ditujukan kepada orang Melayu.

"Sebagai parti yang mewakili orang Melayu, adalah memadai UMNO membuat kenyataan mengenainya," kata beliau.

Mengenai adakah beliau akan menemui Perdana Menteri Singapura untuk berbincang mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata: "Mengapa saya patut jumpa dia kerana semasa dia buat kenyataan itu dia tidak berjumpa saya." --

BERNAMA

ARA FAZ